

DATE : 10 APR 2018
PUBLICATION : BERITA HARIAN
SECTION : BISNES
HEADLINE : PEIP SEDIA KHIDMAT SOKONGAN MINYAK, GAS
PENGERANG
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 82.9CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL



Mohamed Khaled (dua dari kiri) bersama Mohd Abdul Karim (kiri) dan Azmi (tiga dari kiri) majlis Pecah Tanah PeIP di Pengerang, semalam.

PeIP sedia khidmat sokongan minyak, gas Pengerang

➔ **Projek mega babitkan tiga fasa bernilai RM1.5 bilion**

Oleh **Izlaily Nurul Ain Hussein dan Farah Dinah Hassan**
bhbiz@nstp.com.my

Pembinaan Projek Pengerang Eco Industrial Park (PeIP) bernilai RM1.5 bilion adalah pelaburan terbaru di Pengerang yang menyediakan perkhidmatan sokongan bagi industri minyak dan gas di Johor.

Projek di atas tanah seluas 25 hektar yang dimajukan syarikat Serba Dinamik Holdings Bhd dan Perisind Samudra Sdn Bhd itu membabitkan tiga fasa dengan

fasa pertama bernilai RM1 bilion akan dimulakan tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata projek mega berkenaan disifatkan amat berharga dan penting untuk dibangunkan di kawasan itu kerana bukan saja meletakkan Pengerang sebagai lokasi tumpuan pelbagai industri, malah bakal membangunkan tenaga mahir tinggi.

Bangunkan tenaga mahir anak muda

“Pembinaan PeIP ini penting kerana bukan hanya akan memberi perkhidmatan sokongan kepada PETRONAS atau mana-mana industri di Pengerang, namun boleh juga memberi khidmat kepada industri di rantau ini.

“Ia akan meletakkan Pengerang dalam peta global, sebagai contoh jika barangan industri di Singapura rosak dan mereka hantar ke negara Eropah, selepas ini mungkin mereka boleh

hantar ke Pengerang.

“Signifikannya projek ini juga, kita akan bangunkan tenaga mahir tinggi dalam kalangan anak muda, terutama bangsa Johor atau yang di Pengerang ini,” katanya ketika sidang media selepas menyempurnakan majlis Pecah Tanah PeIP di Pengerang dekat Kota Tinggi, semalam.

Yang hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Datuk Azmi Rohani; Pegawai Daerah Kota Tinggi, Mohammed Ridha Abd Kadir; Pengarah Urusan PIJ Holdings Sdn Bhd, Rozan Mohd Sa’at; Pengarah Urusan Perisind Samudra Sdn Bhd, Datuk Mohd Shahfiez Mohd Sanip dan Pengarah Urusan Serba Dinamik Holdings Bhd, Datuk Dr Mohd Abdul Karim Abdullah.

Fasa pertama PeIP membabitkan tiga elemen iaitu pembinaan pusat baik pulih, selenggara, pemeriksaan industri minyak dan pusat latihan kemahiran serta vokasional industri ber-

kaitan yang dijangka siap pada 2020.

Penyumbang jangka panjang

Sementara itu, dalam ucapannya, Mohamed Khaled tidak mahu usaha yang dilakukan sejak beberapa tahun lalu dalam membangunkan Pengerang sebagai penyumbang ekonomi jangka masa panjang terjejas disebabkan pertukaran dasar oleh kerajaan yang memerintah. “Apabila ia bersifat jangka masa panjang, maka seperti juga mana-mana projek mega yang lain, sudah tentulah ia akan memakan masa dan dilakukan secara berperingkat dan tidak boleh disiapkan dan disempurnakan dengan sekelop mata.

“Jadi, adalah amat penting agar proses ini tidak terganggu atau tergendala disebabkan oleh pertukaran dasar oleh kerajaan yang memerintah. Jika tidak, semua yang kita sedang bangunkan ini akan tersekat dan menjadi sia-sia,” katanya.